

15 Julai 2026
Siaran Media

YAB TUAN CHOW KON YEOW

Ketua Menteri Pulau Pinang merangkap Pengerusi PBAPP dan PBA Holdings Bhd.

**PEMETERAIAN PERJANJIAN AIR PALING SIGNIFIKAN ABAD KE-21
BAGI PULAU PINANG**

- **PBAPP telah menandatangani Perjanjian Bekalan Air Pukal (*Bulk Water Supply Agreement* - BWSA) bersyarat untuk membeli air terawat daripada Perak.**
- **Perjanjian ini bakal membantu menjamin kecukupan bekalan air di Pulau Pinang bagi tempoh 40 tahun, dari tahun 2032 hingga 2072.**

PULAU PINANG - PBAPP hari ini menandatangani Perjanjian Bekalan Air Pukal (BWSA) dengan sebuah syarikat konsesi air di Perak bagi memastikan kecukupan bekalan air di Pulau Pinang untuk tempoh 40 tahun bermula pada tahun 2032.

Pelaksanaan Perjanjian BWSA Projek Air Perak-Pulau Pinang (P-PWP) dengan Prasarana Air dan Irigasi Perak Sdn. Bhd. (PAIP Perak) adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- Kelulusan dan pengesahan kawal selia daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) selaku pengawal selia perkhidmatan air serta pembetungan negara; dan
- Kelulusan pemegang saham PBA Holdings Bhd. (PBAHB).

Rasional Utama P-PWP

Rasional utama P-PWP adalah seperti berikut:

- Pulau Pinang merupakan sebuah negeri kecil yang tidak lagi mempunyai sumber air mentah dalam negeri utama yang boleh dimanfaatkan bagi memenuhi keperluan pada dekad 2030-an.

- Pulau Pinang ialah sebuah negeri yang dinamik dan terus berkembang. Pertumbuhan penduduk serta kemajuan sosioekonomi pada masa hadapan memerlukan bekalan air yang lebih banyak.
- Pada tahun 2025, penggunaan air di Pulau Pinang adalah sebanyak 865 juta liter sehari (JLH). Menjelang tahun 2032, penggunaan air diunjurkan meningkat kepada 1,162 JLH atau lebih, berikutan pelbagai projek pengembangan kilang dan pembangunan hartanah yang telah dirancang. Projek-projek ini perlu disokong oleh bekalan air yang mencukupi dan boleh dipercayai demi manfaat rakyat Pulau Pinang.
- Perak bersedia menjual antara 300 hingga 500 JLH air terawat kepada PBAPP. Bagi membolehkan penjualan air terawat oleh Perak kepada Pulau Pinang, sebuah loji rawatan air baharu berkapasiti 500 JLH, lengkap dengan stesen pam, kolam air terawat, saluran paip berskala besar serta infrastruktur sokongan lain perlu dibina, dioperasikan dan diuruskan di Perak .

Jumlah perbelanjaan modal (CAPEX) yang diunjurkan bagi infrastruktur khusus P-PWP di Perak ialah RM8.4 bilion. Walau bagaimanapun, PBAPP tidak perlu melaburkan walau satu sen pun dalam CAPEX untuk pembangunan infrastruktur bekalan air P-PWP di Perak.

Semua kos infrastruktur akan ditanggung oleh PAIP Perak, sebuah syarikat berkaitan Kerajaan Negeri Perak (GLC Perak) yang baru diperbadankan. PBAPP juga tidak akan menanggung sebarang caj air mentah atau kos pengambilan tanah. Selain itu, PBAPP tidak akan menanggung sebarang perbelanjaan operasi (OPEX) bagi menggaji kakitangan, mengendalikan, menyelenggara atau menguruskan infrastruktur P-PWP di Perak.

Perjanjian P-PWP membolehkan Pulau Pinang memanfaatkan sumber air utama kedua pada masa hadapan. Ia merupakan perjanjian air paling signifikan dalam sejarah bekalan air Pulau Pinang sejak pelaksanaan Skim Air Sungai Muda pada tahun 1973, kira-kira 53 tahun lalu.

P-PWP tidak menggantikan Sungai Muda di Seberang Perai Utara (SPU) sebagai sumber utama air mentah Pulau Pinang, sebaliknya, projek ini akan menyalurkan lebih banyak air ke Seberang Perai Selatan (SPS) dan Seberang Perai Tengah (SPT) bagi menyokong pertumbuhan penduduk dan pembangunan sosioekonomi di tanah besar.

Cadangan Caj PAIP Perak kepada PBAPP:-

a.	Caj Kapasiti Tahunan RM210 juta setahun	Untuk melunaskan secara berperingkat serta menyokong justifikasi pelaburan RM8.4 bilion bagi membina, mengendalikan dan menyelenggara infrastruktur P-PWP di Perak.
b.	Caj Air Terawat RM1.70 bagi setiap m ³ (1,000 liter), tertakluk kepada semakan setiap tiga (3) tahun, berdasarkan Komitmen Kuantiti Minimum (<i>Minimum Quantity Commitment</i> - MQC) 300 JLH pada tahun 2032, yang boleh ditingkatkan dengan notis enam (6) bulan	Caj ini merangkumi fi air mentah, semua kos rawatan air (tenaga, bahan api, bahan kimia, tenaga kerja dan lain-lain), serta kos mengepam 300 hingga 500 JLH air terawat dari utara Perak ke SPS, Pulau Pinang.

Keutamaan

- Kecukupan dan Keselamatan Bekalan Air di Pulau Pinang pada dekad 2030-an dan seterusnya:** Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP mesti mengelakkan sebarang kekurangan bekalan air yang boleh dijangka sekiranya kita mahu menarik lebih banyak kilang dan perniagaan yang mampu menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti di Pulau Pinang. Kita juga mesti mempunyai bekalan air yang mencukupi untuk pembangunan perumahan baharu bagi kegunaan keluarga yang mendiaminya. Selain itu, lebih banyak bekalan air diperlukan untuk menyokong gaya hidup yang lebih sihat dan maju di Pulau Pinang.
- Mengurangkan Kesan Perubahan Iklim dan Fenomena El Niño terhadap Perkhidmatan Bekalan Air.** Melalui P-PWP, Pulau Pinang akan mempunyai dua sumber air utama berbanding hanya satu sumber utama pada masa ini, iaitu Sungai Muda. Perlu diingat bahawa Sungai Muda merupakan sumber yang dikongsi bersama Kedah.
- Kebolehpercayaan dan Kemampuan Kos.** Rawatan air secara konvensional menggunakan air tawar daripada sungai, anak sungai dan tasik merupakan teknologi rawatan air yang telah terbukti keberkesanannya di Pulau Pinang dan Malaysia.

Membeli air terawat daripada Perak mungkin tidak semurah menghasilkan air terawat di Pulau Pinang, namun tiada pilihan yang lebih murah. Perak meneroka Sungai Perak sebagai sumber untuk P-PWP, manakala Pulau Pinang tidak mempunyai sumber air mentah konvensional lain dalam negeri yang mampu menyokong pengeluaran antara 300 hingga 500 JLH air terawat.

Penyahgaraman Air Laut sebagai Pelengkap P-PWP

PBAPP juga sedang meneliti kemungkinan menggunakan teknologi penyahgaraman air laut sebagai pelengkap kepada P-PWP bagi penyelesaian bekalan air jangka panjang di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, kos penyahgaraman adalah lebih tinggi berbanding rawatan air konvensional. Ini mungkin sebab utama mengapa PUB di Singapura dilaporkan menggunakan teknologi penyahgaraman untuk menghasilkan kira-kira 25 peratus daripada bekalan air paip harian, dan bukannya 100 peratus.

Manfaat utama penyahgaraman ialah ketahanan terhadap cuaca kerana ia tidak bergantung kepada taburan hujan di kawasan tadahan air dalam era perubahan iklim ini. Oleh itu, ia merupakan “pilihan yang lebih selamat” untuk mengurangkan risiko krisis air ketika musim kemarau berpanjangan.

Sehingga kini, tiada operator air di Malaysia yang mengendalikan loji penyahgaraman berskala besar untuk bekalan air awam yang mampu membekalkan 100 JLH atau lebih air paip sehari. PBAPP mungkin menjadi yang pertama melaksanakannya dalam masa terdekat sekiranya teknologi ini didapati berdaya maju dan diperlukan di Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.